

# Hubungi bomba, jangan sibuk rakam gambar kemalangan

**LUMUT 5 Mac** - Tindakan orang ramai yang suka merakam gambar atau video sesuatu kejadian seperti kemalangan sebelum menghubungi pihak bomba antara faktor pasukan penyelamat lambat tiba di kawasan kejadian.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Seri Wan Mohd. Nor Ibrahim berkata, perkara itu dikesan hasil daripada semakan semula panggilan yang dibuat pihaknya selepas sesuatu kes.

Menurutnya, dalam sesetengah kes, semakan semula terpaksa dibuat selepas berlaku banyak rungutan kononnya agensi penyelamat itu lambat sampai ke lokasi.

Beliau berkata, semakan semula rekod panggilan mendapati panggilan kecemasan mengenai sesuatu kejadian lambat dibuat.



**WAN MOHD. NOR IBRAHIM (kanan)** menyampaikan anugerah kepada Zamri Man dalam majlis Penyampaian Pingat Kebesaran Jabatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Perkhidmatan 30 Tahun 2017 JBPM Negeri Perak di Lumut, semalam.

“Keadaan ini amat tidak baik kerana sepatutnya orang awam bantu pihak yang ditimpa kemalangan seperti kebakaran atau kemalangan jalan raya untuk segera

menghubungi pihak bomba dan bukannya asyik mengambil gambar untuk ditularkan.

“Seperti kebakaran bangunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di Jalan Gasing, Kuala Lumpur baru-baru ini, gambar kebakaran sudah tular, tapi pihak kami belum dihubungi sedangkan sebaik sahaja kami mendapat panggilan, lima minit kami sudah sampai ke lokasi kebakaran,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyampaian Pingat Kebesaran Jabatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Perkhidmatan 30 Tahun 2017 JBPM negeri Perak di sini hari ini.

Terdahulu, Wan Mohd. Nor menyempurnakan pemakaian pangkat Penolong Pesuruhjaya Bomba (Kehormat) kepada Datuk Bandar Ipoh, Datuk Zamri Man dan turut dianugerahkan pingat Ketua Pengarah Bomba (PKPB).